



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 11 OGOS 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 11 Ogos 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **17,973 kes** (1,075,816 kes kumulatif, 81.5%);
- Kes baharu : **20,780 kes** (1,320,547 kes kumulatif);
- Kes import : **15 kes** (5 warganegara, 10 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **20,765 kes** [17,383 warganegara (83.7%); 3,382 bukan warganegara (16.3%)];
- Kes aktif : **233,358 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **1,053 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **546 kes**;

- Kes kematian : **211 kes** [11,373 kes kumulatif, 0.86%; 184 warganegara, 27 bukan warganegara; 16 kes BID (10 warganegara; 6 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **4,034 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **31 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,776 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,258 kluster**.

Daripada **20,780 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **400 kes (1.9 peratus)** adalah daripada kategori 3, 4 dan 5. Manakala sebanyak **20,380 kes (98.1 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2. Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa COVID-19. Ada di antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.


Secara keseluruhan, hanya **5,138 kes (24.7 peratus)** daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini mempunyai sejarah imunisasi COVID-19. Status vaksinasi COVID-19 mengikut kategori adalah seperti Rajah 1.

STATUS VAKSINASI KES COVID-19 HARIAN MENGIKUT KATEGORI

11 OGOS 2021



BERDASARKAN KEADAAN KLINIKAL SEMASA BAHARU DIDIAGNOSA COVID-19



Sumber: CPRC, KKM

Rajah 1 Status Imunisasi COVID-19 Harian Mengikut Kategori

Sebanyak **211 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **79 kes** di Selangor, **41 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **21 kes** di Kedah, **16 kes** di Johor, **13 kes** di Sabah, masing-masing **lapan (8) kes** di Negeri Sembilan dan Terengganu,

masing-masing **tujuh (7) kes** di Pulau Pinang dan Perak, **enam (6) kes** di Melaka, serta **lima (5) kes** di Pahang.

Perincian jumlah dan purata kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU R_0 / R_T **(STATUS SEHINGGA 10 OGOS 2021)**

Berdasarkan data terkini pada **10 Ogos 2021**, nilai R_T Malaysia adalah sebanyak 1.07. Negeri yang mencatatkan nilai R_T yang tertinggi adalah Perlis (nilai R_T 1.37) diikuti oleh Kelantan (nilai R_T 1.21), dan Sabah (nilai R_T 1.16). Semua negeri mencatatkan R_T melebihi 1.0 kecuali Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 5 dalam kenyataan media ini.

PENINGKATAN KES JANGKITAN COVID-19 YANG TERUK (SEVERE COVID-19 INFECTION) DALAM KALANGAN IBU HAMIL DI MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan ibu hamil, mengambilkira golongan ini adalah kumpulan berisiko tinggi mendapat jangkitan teruk, selain individu yang mempunyai komorbid dan warga emas. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), ibu hamil lebih berisiko untuk mendapat jangkitan COVID-19 yang teruk dan memerlukan kemasukan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) serta bantuan pernafasan (*invasive ventilation*) berbanding wanita yang tidak hamil. Jangkitan COVID-19 tahap yang lebih teruk kerap berlaku pada trimester kedua dan ketiga.

Sejak Mac 2020 sehingga Jun 2021, sejumlah **3,396 kes** COVID-19 dilaporkan dalam kalangan ibu hamil di Malaysia. Dianggarkan hampir 1% ibu hamil di Malaysia dijangkiti COVID-19. Jumlah kes yang dilaporkan semakin meningkat bermula Oktober 2020, dengan purata 200 kes jangkitan sebulan di mana lonjakan kes dapat dilihat pada Mei 2021 (**sebanyak 850 kes**) dan Jun 2021 (**sebanyak 899 kes**). Tren peningkatan kes COVID-19 dalam kalangan ibu hamil adalah sejajar dengan

peningkatan jumlah kes COVID-19 di Malaysia secara keseluruhan (**Rujuk Graf 1**).


Peratus ibu hamil yang dijangkiti COVID-19 yang menerima penjagaan rawatan rapi telah meningkat dari 3% pada 10 Julai 2021 kepada 5.3% pada 7 Ogos 2021. Analisa terperinci menunjukkan nisbah kes ibu hamil dijangkiti COVID-19 yang menerima rawatan rapi berbanding jumlah pesakit COVID-19 kritikal ialah 1 dalam 20. Nisbah ini jauh lebih tinggi berbanding nisbah jangkitan ibu hamil dalam populasi umum iaitu 1 dalam 220.

Sehingga 9 Ogos 2021, sebanyak **70 kes kematian ibu hamil** disebabkan oleh komplikasi jangkitan COVID-19 telah dilaporkan berbanding tiada kes kematian ibu hamil yang disebabkan komplikasi jangkitan COVID-19 dilaporkan pada tahun 2020. Bagi tahun 2021, purata kes COVID-19 bagi bulan Januari 2021 sehingga bulan Mei 2021 adalah sebanyak 2 kes pada setiap bulan. Walau bagaimanapun, berlaku peningkatan kes kematian mendadak dilaporkan sejak bulan Jun 2021 iaitu sebanyak 17 kes kematian. Data menunjukkan 2 kes daripada jumlah tersebut telah menerima dos pertama vaksin, manakala sebanyak 15 kes yang lain tidak menerima vaksin COVID-19.

Berdasarkan maklumat sediada, sebanyak 47% dari kes kematian yang dilaporkan mempunyai komorbid.

Sehingga 8 Ogos 2021, seramai 146,759 ibu hamil telah mendaftar di aplikasi MySejahtera bagi mendapatkan vaksin COVID-19, sejak **kempen ibunisasi** dimulakan pada akhir Jun 2021. Daripada jumlah tersebut, seramai 83,251 (57 peratus) ibu hamil telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin. Sebanyak 20 peratus ibu hamil telah lengkap menerima 2 dos vaksin. Berdasarkan anggaran ibu hamil setahun, peratus ibu hamil yang mendaftar untuk mendapatkan vaksin di aplikasi MySejahtera masih rendah iaitu sebanyak 40 peratus.

Graf 1 : Bilangan Dan Kematian COVID-19 Dalam Kalangan Ibu Hamil/Postnatal Daripada Mac 2020 Sehingga Jun 2021



Jadual 1: Pesakit Ibu Hamil COVID-19 Yang Sedang Menerima Rawatan Rapi Di Hospital (Pada Tarikh Tertera)

KATEGORI	10/7/2021		17/7/2021		24/7/2021		31/7/2021		7/8/2021	
	Bil Pesakit	%	Bil Pesakit	%	Bil Pesakit	%	Bil Pesakit	%	Bil Pesakit	%
Kategori 3	1	3.4 %	0	-	0	-	0	-	0	-
Kategori 4	7	24.1 %	2	6.7%	12	27.9 %	13	24.5 %	13	22.4 %
Kategori 5	21	72.4 %	28	93.3 %	31	72.1 %	40	75.5 %	45	77.6 %
JUMLAH	29	100 %	30	100 %	43	100 %	53	100 %	58	100 %
Bilangan kes COVID-19 yang memerlukan rawatan rapi harian	959		908		950		1,062		1,097	
Peratus ibu hamil yang menerima rawatan rapi	3.0%		3.3%		4.5%		5.0%		5.3%	

Sumber: CPRC Perkhidmatan Hospital

Memandangkan ibu hamil tergolong dalam kumpulan berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan COVID-19 yang teruk, langkah-langkah pencegahan amat penting bagi mengelakkan jangkitan COVID-19. KKM menyeru semua ibu hamil untuk mendapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko komplikasi sekiranya dijangkiti COVID-19. Para suami mestilah memberi sokongan kepada pasangan bagi memastikan mereka mendapat suntikan vaksin COVID-19. Pengambilan vaksin perlu dilengkapkan sebelum memasuki fasa akhir kehamilan iaitu trimester ketiga. Ibu hamil yang masih belum menerima janji

temu untuk vaksinasi boleh menghubungi klinik kesihatan terdekat bagi mempercepatkan proses janji temu.

Selain itu, langkah-langkah pencegahan seperti berikut mesti diambil oleh ibu hamil dan ahli keluarga;

1. Kekal berada di rumah kecuali untuk tujuan penting dan perlu sahaja;
2. Amalkan norma baharu serta mematuhi *standard operating procedure* (SOP) dalam mencegah jangkitan COVID-19;
3. Ahli keluarga perlu diingatkan untuk tidak menjadi punca jangkitan kepada ibu hamil dengan mematuhi SOP ketika berada di luar rumah;
4. Jika terdapat ahli keluarga yang menjalani kuarantin di rumah, pastikan mereka patuh sepenuhnya kepada prosedur kuarantin;
5. Sekiranya telah disahkan positif COVID-19, semua ibu hamil, termasuklah yang tidak bergejala, mesti hadir ke *COVID-19 Assessment Centre* (CAC) untuk menjalani penilaian oleh doktor. Ikut nasihat doktor jika perlu dipantau di fasiliti kesihatan;
6. Sekiranya ibu hamil berada di rumah dan gejala bertambah teruk, ibu perlu segera ke klinik atau CAC berdekatan; dan
7. Jika berlaku kecemasan, boleh hubungi talian 999 atau segera ke hospital berdekatan. Ibu hamil atau ahli keluarga

boleh juga menekan butang SOS di aplikasi MySejahtera jika bantuan segera diperlukan.

Akhir sekali, KKM menyeru sekali lagi agar semua ibu hamil untuk berdaftar dalam MySejahtera dan mengambil vaksin COVID-19 kerana pengambilan vaksin adalah satu kaedah yang terbukti berkesan dan selamat untuk mencegah ibu hamil dari mendapat jangkitan yang teruk.

Perincian bilangan ibu hamil/postnatal yang dijangkiti COVID-19, bilangan kematian ibu hamil disebabkan komplikasi jangkitan COVID-19, serta liputan vaksin COVID-19 dalam kalangan ibu hamil adalah seperti di Lampiran 7 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu dan dapatkan imunisasi COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

11 Ogos 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 11 OGOS 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	PURATA KES 7 HARI	KADAR INSIDEN **	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	6,897	102.7	6,921 (11)	485,014
WP KUALA LUMPUR	2,019	105.7	2,065 (3)	146,410
KEDAH	1,325	58.4	1,534	61,290
JOHOR	1,196	30.5	1,693	104,721
SABAH	1,165	28.8	1,514	97,979
NEGERI SEMBILAN	916	78.8	1,015	81,571
KELANTAN	845	43.1	1,284	52,661
PULAU PINANG	840	46.5	1,385	55,404
PERAK	715	27.4	828	46,640
SARAWAK	606	20.8	634 (1)	83,387
PAHANG	516	29.5	585	30,853
MELAKA	488	50.2	636	37,158
TERENGGANU	439	33.9	613	22,188
WP PUTRAJAYA	65	69.1	41	4,661
PERLIS	15	5.7	29	887
WP LABUAN	12	11.4	3	9,723
MALAYSIA	18,063	52.8	20,780	1,299,767

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

**Bagi setiap 100,000 penduduk

LAMPIRAN 2

Ringkasan 211 kes kematian pada 11 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Kes	Jantina		Kewarganegaraan		Tempat Kematian						Sejarah Penyakit
		L*	P*	WN**	BWN**	Hospital			BID***			
						Jumlah	WN**	BWN**	Jumlah	WN**	BWN**	
Selangor	79	45	34	69	10	76	68	8	3	1	2	59
WP Kuala Lumpur	41	23	18	31	10	38	30	8	3	1	2	32
Kedah	21	6	15	20	1	21	20	1	-	-	-	16
Johor	16	8	8	14	2	15	13	2	1	1	-	13
Sabah	13	6	7	9	4	9	7	2	4	2	2	10
Negeri Sembilan	8	7	1	8	-	8	8	-	-	-	-	6
Terengganu	8	6	2	8	-	8	8	-	-	-	-	8
Pulau Pinang	7	5	2	7	-	5	5	-	2	2	-	6
Perak	7	3	4	7	-	4	4	-	3	3	-	6
Melaka	6	3	3	6	-	6	6	-	-	-	-	6
Pahang	5	2	3	5	-	5	5	-	-	-	-	3
Jumlah	211	114	97	184	27	195	174	21	16	10	6	165

*L merujuk kepada lelaki dan P merujuk kepada perempuan

**WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

***BID merujuk kepada *Brought In Dead*

LAMPIRAN 3

Perincian 20,780 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 11 Ogos 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	6,921	193	3,298	11	3,419
WP KUALA LUMPUR	2,065	121	1,043	3	898
JOHOR	1,693	448	929	-	316
KEDAH	1,534	71	854	-	609
SABAH	1,514	118	925	-	471
PULAU PINANG	1,385	65	424	-	896
KELANTAN	1,284	317	652	-	315
NEGERI SEMBILAN	1,015	7	613	-	395
PERAK	828	83	380	-	365
MELAKA	636	234	259	-	143
SARAWAK	634	77	426	1	130
TERENGGANU	613	176	342	-	95
PAHANG	585	127	317	-	141
WP PUTRAJAYA	41	-	33	-	8
PERLIS	29	6	12	-	11
WP LABUAN	3	-	1	-	2
JUMLAH KESELURUHAN	20,780	2,043	10,508	15	8,214

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 11 OGOS 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Tapak Bina Jalan Anggun	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	218	325
2	Jalan Rami Empat	Tempat Kerja	Johor	Muar	37	184
3	Jalan Tembaga Empat	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	15	201
4	Jalan Ekoperniagaan Satu	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	7	35
5	Jalan Kebun Sultan	Tempat Kerja	Kelantan	Kota Bharu	10	20
6	Industri Kampung Telekong	Tempat Kerja	Kelantan	Kuala Krai	17	121
7	Seksyen Lapan Jalan Pintu Pong	Tempat Kerja	Kelantan	Kota Bharu dan Tumpat	14	20
8	Industri Solar Valley	Tempat Kerja	Melaka	Alor Gajah, Melaka Tengah, dan Jasin	138	1,056
9	Industri Jalan PBR Satu	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah	124	132
10	Industri Muadzam Shah	Tempat Kerja	Pahang	Rompin	24	242
11	Lorong Mak Mandin Tiga	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	22	381
12	Batu 27 Sook	Tempat Kerja	Sabah	Keningau	55	136
13	511 Sentosa	Tempat Kerja	Sarawak	Kuching	14	112
14	Industri Lorong Petai	Tempat Kerja	Selangor	Klang	88	296
15	Industri Bukit Naga	Tempat Kerja	Selangor	Klang	50	151
16	Industri Batu Sembilan Kapar	Tempat Kerja	Selangor	Klang	22	297
17	Jalan Gangsa	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Cheras	23	51

18	Jalan Helang Belalang	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Kepong	20	42
19	Taman Puteri Kluang	Komuniti	Johor	Kluang	85	1,204
20	Kampung Lela Jasa	Komuniti	Kelantan	Kuala Krai	35	109
21	Kampung Kual Gunong	Komuniti	Kelantan	Bachok	28	45
22	Kampung Batu Lapan Kadok	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	25	32
23	Lorong Taman Nik	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	14	24
24	Kampung Kuchelong	Komuniti	Kelantan	Bachok	13	23
25	Taman Ihsan	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	6	9
26	Kampung Tanjung Bako	Komuniti	Sarawak	Kuching	24	61
27	Braang Payang	Komuniti	Sarawak	Kuching	27	36
28	Air Manis	Komuniti	Selangor	Sabak Bernam	16	52
29	Kampung Gelam Mas	Komuniti	Terengganu	Besut	38	384
30	Dah Persiaran SP	Kumpulan Berisiko Tinggi	Kedah	Kuala Muda	47	122
31	Jalan Dikon Tiga	Kumpulan Berisiko Tinggi	Johor	Kluang	18	130

LAMPIRAN 5**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 10 OGOS 2021**

NEGERI	NILAI R_T
PERLIS	1.37
KELANTAN	1.21
SABAH	1.16
PERAK	1.15
SARAWAK	1.14
TERENGGANU	1.14
KEDAH	1.13
PULAU PINANG	1.12
PAHANG	1.10
JOHOR	1.09
NEGERI SEMBILAN	1.06
WP KUALA LUMPUR	1.04
SELANGOR	1.02
MELAKA	1.01
WP PUTRAJAYA	0.98
WP LABUAN	0
MALAYSIA	1.07

LAMPIRAN 7

Jadual 1: Data Bilangan Ibu Hamil/Posnatal Yang Dijangkiti COVID-19 Berbanding Kes Keseluruhan; Malaysia Mac 2020- Julai 2021

Bulan	Bilangan Ibu Hamil/Postnatal yang Dijangkiti COVID-19	Bilangan Kes Keseluruhan Jangkitan COVID-19	Peratus (%)
Mac 2020	23	2,737	0.84
April 2020	24	3,236	0.74
Mei 2020	8	1,817	0.44
Jun 2020	3	820	0.37
Julai 2020	2	1,157	0.17
Ogos 2020	4	364	1.10
September 2020	9	1,884	0.48
Oktober 2020	162	20,324	0.80
November 2020	190	34,149	0.56
Disember 2020	213	47,313	0.45
Januari 2021	404	101,949	0.40
Februari 2021	264	85,793	0.31
Mac 2021	143	44,748	0.32
April 2021	198	63,213	0.31
Mei 2021	850	163,644	0.52
Jun 2021	899	179,622	0.50
JUMLAH	3,396	752,770	0.45

Sumber :

1. Data Bilangan Kes COVID-19 Dalam Kalangan Ibu Hamil/Postnatal adalah dari reten bulanan oleh JKN
2. Data Bilangan Kes COVID yang dilaporkan – CPRC Kebangsaan, KKM

Jadual 2 : Data Bilangan Kematian Ibu Hamil Disebabkan Komplikasi Jangkitan COVID-19; Malaysia Januari 2021 – 9 Ogos 2021

Bulan	Bilangan kematian ibu hamil disebabkan komplikasi jangkitan COVID-19
Januari 2021	2
Februari 2021	1
Mac 2021	0
April 2021	2
Mei 2021	2
Jun 2021	17
Julai 2021	29
Sehingga 9 Ogos 2021	17
JUMLAH	70

Sumber : Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga , KKM

Jadual 3 : Data Liputan Vaksin COVID-19 Dalam Kalangan Ibu Hamil, Sehingga 8 Ogos 2021

Negeri	Bil. Mendaftar Dalam Mysejahtera	Bil. Terima Sekurang-Kurangnya 1 Dos	Bil. Janji Temu Diberi	% Menerima Vaksin (Sekurang-Kurangnya 1 Dos)	% Menerima Vaksin & Janji Temu
WP K.Lumpur	13,525	9,263	2,264	68	85
Selangor	40,859	27,659	2,768	68	74
N.Sembilan	6,017	3,763	653	63	73
WP Labuan	392	252	31	64	72
Sarawak	8,064	5,397	378	67	72
WP Putrajaya	1,145	723	63	63	69
Melaka	5,309	3,258	309	61	67
Johor	19,493	9,177	3,570	47	65
Kedah	9,221	5,251	179	57	59
Pahang	6,685	3,663	66	55	56
Pulau Pinang	7,658	4,005	250	52	56
Perlis	1,102	552	60	50	56
Sabah	6,996	2,383	1,216	34	51
Terengganu	6,085	2,695	118	44	46
Perak	8,651	3,292	290	38	41
Kelantan	5,557	1,918	133	35	37
Malaysia	146,759	83,251	12,348	57%	65%

Sumber : MySejahtera, CPRC Kebangsaan KKM